

| | | | |
|-------------|------------------------------------|------------|---------|
| Headline | TNB terima anugerah jenama terbaik | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 09 Nov 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 69,985 | Readership | 209,955 |
| Section | Bisnes | Page No | 45 |
| ArticleSize | 106 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 10,962 | | |
| | | | |



TNB terima anugerah jenama terbaik

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menerima anugerah 'Brand of the Year' untuk 2018-2019, di bawah kategori tenaga bagi pemenang kebangsaan untuk Malaysia di World Branding Awards.

Dalam kenyataannya, TNB berkata, pemenang ditentukan menerusi penilaian jenama, kajian pasaran pengguna dan undian awam dalam talian.

Katanya, 70 peratus daripada proses pemarkahan adalah daripada undian pengguna.

"Anugerah ini mencerminkan dedikasi dan komitmen 35,000 pekerja yang bekerja keras dalam membina dan membangunkan jenama kami.

9.4 juta pelanggan

"Ia sememangnya satu cabaran untuk menawarkan pengalaman jenama terbaik kepada 9.4 juta pelanggan kami.

"Anugerah ini akan mendorong warga kerja TNB untuk terus meningkatkan usaha dan mengukuhkan jenama dengan menyediakan pengalaman pelanggan terbaik," katanya.

Mengulas lanjut, katanya anugerah itu disampaikan oleh Pengerusi Forum Penjenamaan Dunia, Richard Rowles di Kensington Palace, London.

World Branding Awards adalah program pengiktirafan anugerah utama Forum Penjenamaan Dunia.

Daripada 4,500 jenama dari 57 negara dicalonkan pada tahun ini dengan 351 jenama dari 49 negara dinobatkan sebagai pemenang.